

10 APR 2002  
Negara-Bahas  
SENATOR MINTA GANTUNG KERJSAMA DENGAN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Malaysia perlu mengkaji semula dan menggantung kerjasama dengan Singapura sekiranya negara itu masih berdegil dan bongkak dengan meneruskan kerja penambakan laut berhampiran perairan negara ini.

Senator Datuk Hazizah Mod Sultan berkata Malaysia juga perlu sesekali "menggertak" dan "meninggikan suara" terhadap kepimpinan negara jiran itu bagi mengajar mereka supaya menghormati hak negara ini.

"Berdasarkan sifat kita yang berbudi bahasa dan menghormati jiran, kita terlalu acap bertolak ansur dan berlembut dengan mereka," katanya ketika membahaskan usul terima kasih di atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong para pada perasmian dewan, pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

Katanya perasaan rakyat negara ini sering "dilukai" oleh sikap pemimpin negara jiran itu.

Beliau berkata kerajaan perlu menghantar memorandum bantahan awal dengan segera bagi "mematikan" segala alasan kerajaan republik itu daripada meneruskan kerja menambak di kawasan berhampiran perairan negara ini.

Katanya kajian mengenai kesan projek itu terhadap negara dan rakyat Malaysia perlu dilakukan dengan penuh teliti dan profesional.

"Kita tidak mahu menanggung kerugian sekiranya Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pularek (pusat latihan rekrut) menjadi projek gajah putih kesan daripada tindakan penambakan laut itu," katanya.

Hazizah berkata nelayan di kawasan berkenaan bernasib malang kerana punca pendapatan mereka terjejas akibat kerja penambakan itu.

Sementara itu, Senator Datuk Hamzah Zainuddin pula mempersoalkan kewajaran pemimpin politik pembangkang yang sanggup mencerca dan memberikan pelbagai gelaran tidak baik kepada pemimpin negara.

Katanya kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek untuk membangunkan negara termasuk bagi perkembangan masyarakat Islam sendiri tetapi masih dicaci oleh pihak tertentu.

"Jadi saya mencadangkan supaya tahan terus penceramah yang mencaci pemimpin negara dengan memberi pelbagai gelaran," katanya.

Senator K.R.A Naidu pula menyuarakan kebimbangannya terhadap kesan rumah hijau iaitu fenomena pemanasan bumi akibat haba atmosfera yang terperangkap oleh gas, khususnya karbon dioksida.

Katanya Pusat Antarabangsa Pemanasan Global yang mengawasi perubahan iklim dunia, mendapati nyawa dan kesihatan penduduk dunia terancam akibat pengeluaran gas atmosfera yang banyak.

Antara kesan lain ialah perubahan suhu yang melampau, hujan yang tidak menentu, banjir, tanah runtuh, kebakaran, taufan, gempa bumi, pencairan salji dan aras laut yang meningkat.

"Pada Januari tahun lepas (2001), kesejukan yang teruk dialami di Siberia dan gempa bumi di India dengan kira-kira 16,000 rakyat negara itu terkorban," katanya.

Naidu berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpeluang melihat sendiri kerosakan bumi akibat kesan rumah hijau semasa melawat Antartika baru-baru ini.

Oleh itu katanya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar perlu menyebarkan maklumat kesan perubahan iklim dunia terhadap penduduk supaya dapat menyesuaikan kehidupan mereka dengan perubahan iklim pada masa depan.

Senator Tan Sri Dr Abdullah Ayub pula menggesa kerajaan mewujudkan mekanisme yang lebih berkesan bagi memantau aktiviti badan korporat dan

agensi yang membabitkan kepentingan rakyat.

Katanya langkah itu perlu bagi memastikan kejadian penyelewengan dalam agensi kerajaan serta badan korporat yang kerap dilaporkan sejak akhir-akhir ini, tidak berulang.

Ketiadaan pemantauan yang rapi menjadi antara punca kehilangan wang, seperti yang berlaku terhadap Tabung Haji, Penerbangan Malaysia, Perwaja dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin, katanya.

Abdullah menceritakan kegagalan beliau untuk mendapatkan Laporan Tahunan Petronas setelah diberitahu oleh syarikat petroleum itu bahawa laporan tahunan berkenaan tidak boleh diberi kepada sesiapa kecuali pemegang sahamnya.

"Jadilah syarikat-syarikat besar ini seperti "rumah suci", sedangkan mereka sepatutnya membuat laporan kepada Parlimen dan kita (ahli-ahli Parlimen) boleh memberi pandangan mengenai prestasi mereka," katanya.

Sementara itu, Senator Siti Zailah Mohd Yusoff mencadangkan kerajaan memberikan cuti kepada kakitangan awam yang ibu bapa mereka sakit dan memerlukan perhatian.

"Semasa mereka sakit, kita perlu beri perhatian dan tunjukkan kasih sayang di saat-saat akhir sebagai pengiktirafan kita kepada warga emas ini," katanya.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

RZS RZS LAT